

**Kata Ganti Nama Tempat**

Kata ganti nama tempat ialah kata yang digunakan untuk menggantikan sesuatu nama tempat. Terdapat tiga kata ganti nama tempat, iaitu:

|      |                                                  |
|------|--------------------------------------------------|
| sini | tempat yang dekat dengan penutur                 |
| situ | tempat yang agak jauh tetapi masih dapat dilihat |
| sana | tempat yang jauh dan tidak dapat dilihat         |

**Contoh penggunaan:**

- (a) Saya dilahirkan dan dibesarkan di *sini* sejak 20 tahun yang lalu.  
 (b) Tolong alihkan pasu bunga ini ke *situ* agar terkena cahaya matahari.  
 (c) Kami akan ke Langkawi esok dan akan tinggal di hotel sepanjang masa di *sana*.

**Peringatan**

Biasanya kata sendi *di*, *ke* atau *dari* digunakan bersama-sama kata ganti nama tempat. Kata sendi *daripada* tidak boleh digunakan sama sekali bersama-sama kata ganti nama tempat.

**Latihan Pengukuhan**

A. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Minggu hadapan kami akan mendaki Gunung Kinabalu. Semasa \_\_\_\_\_ kami akan bergambar di puncaknya.  
 A di sini B di sana
- Ahli parlimen kami sering berkunjung \_\_\_\_\_ untuk membantu mereka yang bermasalah.  
 A ke situ B ke sini
- Letakkan basikal kalian \_\_\_\_\_. Saya akan menjaganya agar tidak hilang.  
 A di sana B di sini
- Tolong ubah pasu bunga itu \_\_\_\_\_ agar senang untuk saya menyiramnya.  
 A ke sana B ke situ
- Kami akan berkhemah di Gua Tempurung nanti. Dari \_\_\_\_\_ kami akan menjelajahnya.  
 A sana B situ
- Adakah kamu akan datang ke \_\_\_\_\_ lagi pada masa hadapan?  
 A situ B sini
- Bolehkah saya pergi ke \_\_\_\_\_ lagi jika wang simpanan saya mencukupi?  
 A sana B situ